

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN MENARA KUALA LUMPUR

TEMPAT: KUALA LUMPUR

TARIKH: 01 OCT 1996

MASA:

1. Saya ucapkan terima kasih kepada Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd. kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Menara Kuala Lumpur pada malam ini. Menara ini menjadi lambang dan bukti bukan sahaja terhadap pencapaian negara ini tetapi juga kejayaan pendekatan yang digunakan oleh Kerajaan dalam menangani soal pembangunan ekonomi negara. Pendekatan yang dimaksudkan di sini ialah penswastaaan yang jelas dapat menolong kita membangunkan negara dengan lebih cepat dari dahulu.

2. Pembangunan menara ini secara langsung adalah hasil penswastaaan Jabatan Telekom Malaysia. Tidak mungkin menara ini dapat dibina jika Kerajaan masih memiliki perkhidmatan telekomunikasi. Sebabnya ialah semasa Kerajaan memonopoli perkhidmatan telekomunikasi, kita terpaksa memperuntukkan lebih daripada RM100 juta tiap-tiap tahun hanya untuk membantu menyediakan perkhidmatan telekomunikasi. Sudah tentu kita tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membina menara ini yang kosnya hampir RM300 juta.

3. Tetapi setelah Jabatan Telekomunikasi diswastakan bukan sahaja perkhidmatannya dapat berkembang mengikut aliran teknologi yang bertukar dengan cepatnya, tetapi ia juga dapat memperolehi keuntungan yang cukup untuk membiayai segala kemudahan yang baru dan memperuntukkan wang yang cukup untuk membina menara ini.

4. Menara ini penting dalam usaha membekalkan perkhidmatan telekomunikasi yang canggih. Memang benar menara yang dibuat dengan batang besi `angle iron' pun dapat memenuhi keperluan perkhidmatan telekomunikasi. Tetapi menara-menara besi `angle iron' tidak indah dan tidak dapat menjadi perhiasan yang boleh dibanggakan bukan sahaja oleh penduduk Kuala Lumpur tetapi juga rakyat negara ini. Sebagai satu bangsa yang sudah mencapai satu tahap kemajuan yang tinggi kita tidak lagi hanya perlu kepada kemudahan tetapi kita juga perlu memenuhi selera yang lebih halus berkenaan dengan kecantikan pemandangan. Kita ingin kepada suatu mercu tanda

yang memenuhi selera ini dan juga yang boleh dibanggakan. Manusia tidak hidup untuk makan sahaja. Ada perkara-perkara lain yang menjadi keperluan hidup setelah tuntutan kelaparan dipenuhi. Dan kita sudah sampai ke peringkat yang lebih daripada hanya memuaskan keperluan kita yang pertama. Sebab itulah kita ingin membersihkan dan mempercantikkan ibu kota dan bandar-bandar kita yang lain dengan tanam-tanaman dan lanskap. Bangunan kita juga tidak hanya dikehendaki menyediakan ruang yang berguna semata-mata tetapi hendaklah juga cantik mata memandang, iaitu jika kita mampu. Kita akan rosak hanya jika kita menuntut juga walaupun tidak mampu.

5. Sebab itu menara telekomunikasi ini dikehendaki lebih berguna dan lebih cantik daripada hanya menara telekomunikasi besi 'angle iron'. Ia juga dapat memberi peluang kepada orang ramai melihat ibu kota dari sudut yang tinggi - sesuatu yang amat diminati oleh semua orang.

6. Sebagai seorang yang telah melawat hampir semua negara di dunia, saya berpendapat menara ini ialah yang tercantik sekali yang pernah dibina hingga kini. Ada orang lain yang cuba menghina selera kita dengan berkata ianya ternampak seperti 'rattle' permainan kanak-kanak. Komen ini hanya membuktikan iri hati mereka dan kita tidak perlu endah kepada komen seperti ini. Hakikatnya ialah kita mampu mendirikan menara ini dan kita mempunyai persepsi seni bangunan yang menghasilkan bangunan yang lebih indah daripada menara-menara telekomunikasi di negara-negara maju.

7. Walaupun Telekom Malaysia yang mempunyai saham yang terbesar tetapi pihak-pihak lain juga mempunyai saham. Saya ucapkan tahniah kepada Datuk Nik Mohammed bin Nik Mahmud yang menjadi arkitek bagi menara ini. Sesuatu yang menarik mengenai menara ini ialah kubah di pintu masuk ke lobinya dihiasi dengan kepingan cermin mozek. Kubah ini dibuat oleh artis dan pekerja dari Isfahan, Iran. Saya percaya tidak ada hiasan yang seperti ini terdapat di mana-mana bangunan di Malaysia atau di Asia Timur, walaupun penggunaan 'glass mosaic' terdapat dalam bangunan-bangunan di beberapa negara Asia. Saya ucapkan terima kasih kepada bandaraya Isfahan yang meminjamkan pekerja-pekerjanya kepada kita.

8. Saya harap wargakota dan warganegara kita yang melawat menara ini akan menghargainya dengan menjaga kecantikan dan kebersihan bangunan ini. Menara ini adalah milik kita rakyat Malaysia dan kita semua harus memeliharanya. Saya juga ucapkan tahniah kepada Telekom Malaysia dan Menara Kuala Lumpur Sdn. Bhd. kerana berjaya menguruskan pembangunan dan

penyelenggaraan menara ini dengan baik.

9. Dengan harapan kita semua akan menjadikan menara ini sebagai simbol keupayaan dan kesenian kita dan kita terus berusaha membangunkan negara ini seperti kita bangunkan menara ini, saya dengan sukacita dan penuh kesyukuran kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala merasmikan Menara Kuala Lumpur.